

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha berterusan Malaysia di peringkat antarabangsa untuk mendesak Myanmar memberikan hak kerakyatan etnik Rohingya sepertimana yang disuarakan oleh badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik atas pertanyaan yang dikemukakan dan keprihatinan yang sentiasa diberikan oleh ahli Yang Berhormat berkenaan isu Rohingya.

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Rohingya ini merupakan antara isu utama dibincangkan di peringkat antarabangsa termasuklah di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Isu ini mendapat perhatian dunia setelah jenayah kemanusiaan (*crimes of humanity*) dan genosid dilakukan ke atas etnik Rohingya pada tahun 2017. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa dalam mencari jalan penyelesaian kepada krisis Rohingya ini oleh kerana Malaysia juga menerima kesan langsung daripadanya.

3. Malaysia berpendirian bahawa isu-isu utama krisis kemanusiaan etnik Rohingya ini termasuklah isu kewarganegaraan etnik Rohingya, repatriasi pelarian Rohingya, dan akauntabiliti ke atas pencabulan hak asasi manusia dan penindasan etnik tersebut di Myanmar perlu ditangani oleh Kerajaan Myanmar dan masyarakat antarabangsa secara konkrit untuk menyelesaikan isu ini. Dalam hal ini, Malaysia memahami bahawa satu pendekatan menyeluruh perlu diambil di peringkat antarabangsa demi memastikan hak etnik Rohingya terpelihara dan mereka dapat hidup aman di Myanmar.

4. Berkenaan isu kerakyatan etnik Rohingya, selain daripada terus menekankan isu ini di peringkat antarabangsa, Malaysia telah juga mengemukakan perkara ini secara terus kepada Kerajaan Myanmar di peringkat dua hala, termasuk dalam pertemuan-pertemuan antara pemimpin kedua-dua negara. Malaysia telah memohon Myanmar membenarkan etnik Rohingya pulang ke negara tersebut dan memberikan taraf kewarganegaraan kepada mereka dengan sewajarnya. Malaysia mengutarakan bahawa faktor sejarah kemasukan etnik tersebut ke dalam negara Myanmar oleh Britain pada masa dahulu, seperti yang didakwa oleh Myanmar, tidak wajar terus dijadikan sebab mengapa mereka ditindas dan hak-hak kerakyatan generasi Rohingya di Myanmar terus dinafikan. Malaysia meminta Myanmar mempertimbangkan kesan-kesan positif yang dapat disumbang oleh komuniti etnik Rohingya kepada kemajuan masyarakat, dan keamanan negara tersebut sekiranya hak mereka sebagai rakyat Myanmar direalisasikan.

5. Di peringkat serantau, Malaysia telah membangkitkan isu Rohingya di mesyuarat-mesyuarat ASEAN. Pada Sesi Pemukiman Menteri-menteri Luar ASEAN (*AMM Retreat*) di Nha Trang, Vietnam pada 15 - 17 Januari 2020, Malaysia telah menggesa Myanmar untuk pemberian kerakyatan kepada lebih 500,000 orang yang masih berada di dalam negara tersebut. Malaysia turut membangkitkan isu Rohingya di Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN Ke-53 dan Forum Serantau ASEAN Ke-27 pada 9 – 12 September 2020 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN bersama Setiausaha Agong

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan pada 21 Oktober 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi peringkat diplomasi pelbagai hala, Malaysia bergiat aktif di bawah kerangka Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (MHAM PBB) di Geneva, Switzerland, dan Perhimpunan Agung PBB, New York, Amerika Syarikat dengan bertindak merunding, menyokong, dan menaja bersama beberapa resolusi PBB berkenaan krisis Rohingya. Resolusi-resolusi tersebut antara lain turut mendesak Kerajaan Myanmar memberikan kerakyatan sepenuhnya kepada etnik Rohingya.

7. Usaha-usaha Malaysia menerusi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Perhubungan OIC mengenai Orang Islam Rohingya di Myanmar yang membawa isu Rohingya ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice – ICJ*) tetap diteruskan. Dengan usaha ini, Malaysia dan masyarakat antarabangsa berharap agar akauntabiliti dapat dijamin dan hak etnik Rohingya sebagai rakyat Myanmar dapat dikembalikan dengan sewajarnya.

8. Secara kesimpulannya, Malaysia akan terus mengambil pendekatan menyeluruh dalam berdiplomasi di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu Rohingya agar mereka dapat pulang sebagai warganegara Myanmar dan menikmati kehidupan yang aman dan bermaruah.

Sekian, terima kasih.